



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | |
|---------------------------------|----|
| - Seminggu sekali panjat bukit | 25 |
| - PBT perlu hormati peranan DBP | 06 |

Sinar Harian

- | | |
|-------------------------|----|
| - Isu papan tanda jalan | 23 |
|-------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Seminggu sekali panjat bukit
Muka Surat	25

Seminggu sekali panjat bukit

4M
22/11/2018
M/S 25

KEMALANGAN melibatkan kawasan gunung dan bukit di sekitar Ampang merupakan antara yang tertinggi dalam negara. Justeru, latihan demi latihan perlu dijalankan bagi memastikan setiap operasi mencari dan menyelamat berjalan lancar.

Di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ampang, latihan 'cliff rescue' atau menyelamat di lereng bukit dijalankan sekali setiap minggu bagi memantapkan kemahiran 31 pegawai dan anggotanya.

Ketua BBP Ampang, Timbalan Pengguna Bomba Ariff Mohamed Kassim berkata, latihan yang dibuat lebih kepada kemahiran ikatan dan simpulan tali penyelamatan.

"Semua anggota wajib mahir dengan ikatan serta simpulan penyelamatan ini, jadi latihan secara berterusan dapat menguatkan memori mereka sekali gus dapat mengelakkan daripada berlaku kecuaian."

"Bagi BBP biasa seperti Ampang, kami dibekalkan dengan peralatan asas menyelamat seperti tali penyelamat 100 dan 200 kaki, carabiner, single dan double pulley, harness, stretcher, tali prussik



PEGAWAI dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Ampang menjalani latihan 'cliff rescue' di Bukit Belacan, Ampang, Selangor.

dan body line," terangnya ketika ditemui baru-baru ini.

Ariff berkata, selain latihan ikatan dan simpulan, mereka juga akan menjalankan latihan simulasi sama ada di balai maupun di lokasi berbukit serta tebing tinggi seperti

Bukit Antarabangsa, Bukit Tabuh dan Bukit Belacan, Ampang.

Menurutnya, sejak 2015 pihaknya berdepan dengan purata tujuh kes mencari dan menyelamat (SAR) di kawasan gunung serta bukit setiap tahun.

"Sekiranya operasi SAR memerlukan peralatan khas ataupun bantuan pakar, kita akan dapatkan khidmat Pasukan Khas Taktikal Operasi dan Penyelamat (Storm)," ujarnya yang pernah menjalani latihan 'rock rescue' di Brunei.



ARIFF MOHAMED KASSIM (beruniform penuh) dan memantau latihan 'cliff rescue' di Bukit Belacan, Ampang, Selangor.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	PBT perlu hormati peranan DBP
Muka Surat	06

PBT perlu hormati peranan DBP

um msc 6 22/11/2018

KUALA LUMPUR 21 Nov. – Setelah dinaik taraf sebagai badan berkanun melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 kira-kira enam dekad lalu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) diberi peranan untuk menyelenggarakan dan memantau penggunaan bahasa kebangsaan dalam konteks rasmi di negara ini.

Oleh itu, seharusnya peranan ini dihormati oleh semua pihak, terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menentukan penggunaan bahasa yang tepat pada papan-papan tanda jalan agar kontroversi seperti yang berlaku di Shah Alam, baru-baru ini tidak berulang.

Bekas Ketua Pengarah DBP, Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan berkata, Undang-undang Kecil Iklan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga telah

menggariskan tata-cara penggunaan bahasa pada papan tanda, iaitu perlu mendapat pengesahan daripada DBP dahulu namun nampaknya perkara itu tidak diendahkan.

“Begitu juga kesnya dengan Perbadanan Putrajaya. Semasa saya jadi Ketua Pengarah dahulu, apabila disemak tidak ada pun fail permohonan daripada mereka untuk meletakkan nama seperti *presint*, *boulevard* dan sebagainya. Sepatutnya hormatlah kepada DBP,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Sementara itu, Ketua Jabatan



AWANG SARIYAN

Bahasa dan Ke-susasteraan Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Madya Dr. Norliza Jamaluddin berpendangan, isu tersebut tidak sepatutnya timbul kerana sudah jelas bahawa bahasa yang sepatutnya digunakan dalam konteks rasmi di Malaysia ialah bahasa Melayu.

Malah, beliau menyuarakan rasa kecewanya apabila ada pihak seperti PBT yang tidak memahami perkara tersebut lalu dengan ‘gembiranya’ menggandingkan bahasa lain dengan bahasa Melayu pada papan tanda jalan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Isu papan tanda jalan
Muka Surat	17

SH mis 17 22/11/2018

EDITOR: KHAIRUL AMRI YASIN PENOLONG EDITOR: ASMALIZA MANSOR, IZWAN ROZLIN & ASWANY OMAR

MB akur titah sultan

Bawa isu papan tanda nama jalan dalam MMKN akan datang

MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM

Kerajaan negeri akur dan menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menitahkan agar semua papan tanda jalan hanya menggunakan bahasa Melayu.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, kerajaan akan membincangkan perkara berkenaan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) terlebih dahulu secara menyeluruh sebelum tindakan sejawarnya diputuskan.

"Sudah pasti isu (papan tanda jalan) yang timbul minggu ini, saya akan bincangkanlah. Kita menjun-



AMIRUDIN

jung kasih ke atas titah baginda, kita tunggu kertas (mesyuarat) sebab arahan itu tidak diberikan melalui MMKN, jadi kita tunggu kertas secara menyeluruh tentang papan tanda."

"Tapi pertamanya, kerajaan negeri komited untuk menjunjung kasih titah baginda dan yang kedua-nya kerajaan juga komited untuk turut memastabatkan bahwa Melayu sebagai bahasa kebangsaan," katanya kepada pemberita, semalam.

Beliau berkata demikian selepas

hadir merasmikan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Pusat Kaunseling Selangor serta Majlis Pentaulahan Akrab.

Sementara itu, menjawab soalan pemberita berkenaan bagaimana isu papan tanda jalan berkenaan boleh berlaku, Amirudin berkata beliau akan menyemak terlebih dahulu namun tidak menolak ia berdasarkan keputusan kerajaan pada lalu.

"(Itu) saya kena semak, sebab ini keputusan pada 2017 dan tidak ada dibawa ke MMKN," katanya.

Bonus penjawat awam Selangor, MB kata tunggu

GOMBAK - Menteri Besar, Amirudin Shari belum memberikan sebarang bayangan tentang perkhabaran bonus buat penjawat awam Selangor.

Amirudin ketika ditanya berkenaan perkara itu meminta menunggu pengumuman rasmi semasa pembentangan Bajet 2019 Negeri Selangor.

"Tak boleh umum sekarang. Kita tengah buat pengiraan. Tunggu pengumuman nanti," katanya ringkas.

Amirudin bakal memberikan bantuan Bajet 2019 Negeri Selangor, jumaat ini.

Tahun lalu, kerajaan negeri memperuntukkan bantuan khas RM94.65 juta bagi pembayaran bonus tiga bulan gaji kepada kira-kira 17,000 penjawat awam di Selangor.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Pecah Tanah Pangapuri Kos Sederhana di Lot 69831 bersebelahan Pangapuri Permai, semalam.



Amirudin menyempurnakan majlis pecah tanah projek pembinaan blok pangapuri kos sederhana bersebelahan Pangapuri Permai, semalam.

Papan tanda jalan tulisan Cina dah dibawa turun



MBSA sudah menanggalkan papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina, kelmarin.

SHAH ALAM-Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sudah menanggalkan papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sejak kelmarin.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, sebanyak 45 unit papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina sudah ditanggalkan pihaknya.

Menurutnya, kerja-kerja pemasaan papan tanda jalan yang hanya mempunyai Bahasa Melayu akan dipasang dalam masa

terdekat secara berperingkat.

"Papan tanda jalan baru itu dijangka selesai dipasang pada penghujung bulan ini," katanya.

Terdahulu, Sinar Harian melaporkan isu penggunaan papan tanda bertulisan Cina yang mencetuskan polemik beberapa hari lalu, menerima pelbagai komen daripada netizen.

Pemerhatian Sinar Harian mendapat majoriti netizen mahukan papan tanda itu diturunkan bagi menghormati bahasa kebangsaan.

Sebelum itu, aktivis masyarakat,

Datuk Mohd Razlan Rafii menerusi media sosial mempersoalkan kewujudan papan tanda jalan yang menggunakan dwibahasa termasuk bahasa Mandarin, sedangkan kebiasaannya menggunakan bahasa Melayu menerusi prosedur kelulusan pihak berwajib.

Beliau turut menerangkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang kini dilihat seperti tidak kuasa dalam proses kelulusan penggunaan bahasa pada papan tanda sebelum menyerahkan agar institusi itu ditutup sahaja jika sudah tidak boleh berfungsi.



Kronologi isu papan tanda jalan

17 NOVEMBER

Aktivis masyarakat, Datuk Mohd Razlan Rafii menerusi media sosial mempersoalkan kewujudan papan tanda jalan yang menggunakan dwibahasa termasuk bahasa Mandarin, sedangkan kebiasaannya menggunakan bahasa Melayu menerusi prosedur kelulusan pihak berwajib.

■ Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han memaklumkan papan tanda dwibahasa dibenarkan di Kampung Baru Cina dan Kampung Baru Melayu. Menurutnya, penggunaan tulisan Cina

selain bahasa kebangsaan di papan tanda beberapa kampung baru Cina sudah wujud sejak beberapa tahun lalu dan belum hilang mengapa ia tiba-tiba menjadi isu ketika ini.

18 NOVEMBER

Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pen), Dr. Mohamad Saleh Rahamad berkata, mana-mana papan tanda nama jalan yang sebelum ini disediakan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam bentuk tulisan Bahasa Melayu dan Jawi perlu dilegalikan dan amat tidak wajar apabila ada tindakan menukarkannya ke tulisan bahasa lain.

■ Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ketika

memberi maklum balas kepada pengguna Twitter yang mengetahui isu ini memaklumkan, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor yang diadakan pada 13 Januari 2017 telah memutuskan penggunaan papan tanda nama jalan dwibahasa.

19 NOVEMBER

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan supaya semua papan tanda bertulisan Mandarin di Shah Alam diturunkan dan digantikan menggunakan Bahasa Melayu sahaja. Titah baginda itu dimaklumkan menerusi satu surat kepada Setiausaha

Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Mohd Ahya.

20 NOVEMBER

Ketua Pembangkang Selangor, Rizam Ismail menyifatkan Exco Negeri yang terlibat dalam isu ini perlu bertanggungjawab dan tampil memberi penjelasan dan membuat permohonan maaf.

21 NOVEMBER

Menteri Besar, Amirudin Shari menjelaskan kerajaan negeri akur dan menjunjung titah sultan untuk menggantikan papan tanda menggunakan Bahasa Melayu.